

Headline	FRIM hasil produk antigout guna pati daun cucur atap		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	16	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,943
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,829



## FRIM hasil produk antigout guna pati daun cucur atap

**KUALA TERENGGANU** - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengeluarkan produk antigout, CurAtap yang diperbuat daripada pati daun pokok cucur atap.

Ketua Pengarah FRIM, Dr. Ismail Parlan berkata, produk terbabit merupakan penyelidikan, Ketua Program Sumber Biologi FRIM, Dr. Fadzureena Jamaludin.

Beliau berkata, Dr. Fadzureena telah melakukan penyelidikan bagi menghasilkan produk terbabit sejak 11 tahun lalu.

"Produk CurAtap berbentuk cecair untuk diminum itu diperbuat daripada ekstrak pokok cucur atap yang banyak terdapat di pesisir pantai di Pantai Timur ini.

"Kajian mendapati ekstrak pokok itu mengandungi enzim yang mampu menghalang pengumpulan asid urik pada sendi tulang yang menjadi punca penyakit gout," katanya di sini

semalam.

Ujarnya, FRIM telah menjalin kerjasama dengan syarikat pemasaran, Asbaf Legacy Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Shah Alam bagi mengkomersialkan produk CurAtap itu.

Beliau berkata, produk CurAtap kini sudah boleh didapati di pasaran dengan sasaran pelanggan dalam kalangan individu menderita gout.

"Produk CurAtap sudah dipatenkan sejak 2021. Ia merupakan sebahagian hasil penyelidikan FRIM daripada flora dan fauna yang terdapat dalam hutan belantara negara ini.

"Setiap tahun, FRIM menghasilkan kira-kira 40 produk penyelidikan dengan sasaran sekurang-kurangnya lima daripada akan dipatenkan," katanya.

Jelasnya, FRIM giat menjalin kerjasama dengan pihak industri bagi mengkomersialkan lebih banyak hasil penyelidikan yang sudah dipatenkan.



**DR. ISMAIL dan Dr. Fadzureena menunjukkan produk CurAtap untuk mencegah gout di Kuala Terengganu semalam.**